

D.R. 33/90

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "market value", takrif-takrif baru yang berikut:

Pindaan seksyen 2. Akta 53.

' "offshore business activity" has the meaning assigned thereto by the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990;

Act.

"offshore company" has the meaning assigned thereto by the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990;'

Seksyen
baru 3B.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 3A, seksyen baru 3B yang berikut:

"Non-charge-ability to tax in respect of offshore business activity. SB. Notwithstanding section 3, tax shall not be charged under this Act on income in respect of an offshore business activity carried on by an offshore company."

Pindaan
seksyen 108.

4. Seksyen 108 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (11) dengan yang berikut:

"(11) This section shall not apply to—
(a) a co-operative society; or
(b) an offshore company in respect of a dividend paid, credited or distributed out of—
(i) income derived from an offshore business activity; or
(ii) income exempt from tax."

Seksyen
baru 110A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 110, seksyen baru 110A yang berikut:

"Non-entitlement of an offshore company for set-off. 110A. Notwithstanding subsection (1) of section 110, where an offshore company receives any dividend from which tax has been deducted under section 108, the tax so deducted shall not be set off against the tax charged on the chargeable income of the offshore company."

Seksyen
baru 111A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 111, seksyen baru 111A yang berikut:

"Non-entitlement of an offshore company to refund. 111A. Notwithstanding section 111, where tax has been deducted under section 108 from any dividend received by an offshore company, that offshore company shall not be entitled to have the tax so deducted refunded by the Government."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan-pindaan ini berbangkit daripada pengemukaan Rang Undang-Undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

2. *Fasal 1* mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan. Rang Undang-Undang ini akan mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991.

3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan takrif-takrif baru "offshore business activity" dan "offshore company" ke dalam seksyen 2 Akta.

4. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa cukai tidak akan dikenakan ke atas pendapatan suatu syarikat luar pesisir berkenaan dengan pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir syarikat luar pesisir tersebut.

5. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 108 Akta berhubung dengan pemotongan cukai daripada dividen tidak terpakai bagi syarikat luar pesisir berkenaan dengan dividen yang diagihkan daripada pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan luar pesisir atau pendapatan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan.

6. Di bawah perundangan yang wujud sekarang, jika suatu syarikat menerima dividen dari Malaysia yang daripadanya cukai telah dipotong, cukai yang telah dipotong sedemikian bolehlah ditolak daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut. *Fasal 5* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 110A ke dalam Akta supaya suatu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang daripadanya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menuntut apa-apa tolakan berkenaan dengan cukai yang telah dipotong sedemikian daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat luar pesisir tersebut.

7. *Fasal 6* mencadangkan satu seksyen baru 111A kepada Akta supaya suatu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang daripadanya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menerima apa-apa bayaran balik bagi cukai yang telah dipotong sedemikian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1618.]